

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 13 JULAI 2020 | ISNIN

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah implikasi kewangan terhadap pengurusan Tabung Haji serta pelan tindakan yang sedang dan akan diambil ke atas Pengelola Jemaah Haji (PJH) disebabkan keputusan pihak Kerajaan tidak menghantar jemaah haji pada tahun 1441H/2020M.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wabak jangkitan Covid-19 yang masih merebak di seluruh dunia telah menyebabkan banyak sektor ekonomi dan perniagaan terkesan dan ini termasuk syarikat-syarikat yang terlibat dengan pengendalian haji dan umrah.

Pada 7 Mac 2020, Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi telah menasihatkan Lembaga Tabung Haji (**TH**) dan semua pengendali haji di seluruh dunia untuk menangguh sebarang obligasi kewangan bagi Musim Haji 1441H/2020M. Sehubungan itu, tiada implikasi kewangan terhadap pengurusan **TH** apabila pihak Kerajaan mengambil keputusan tidak menghantar jemaah haji Malaysia pada tahun ini.

TH juga telah memaklumkan perkara yang sama kepada semua Pengelola Jemaah Haji (PJH) dan mereka telah membuat perancangan sewajarnya berkaitan sewaan hotel penginapan manakala urusan penerbangan tidak dimuktamadkan.

Seterusnya, setelah mengambil kira situasi semasa wabak Covid-19 Kerajaan Malaysia pada 11 Jun 2020 telah membuat keputusan untuk menangguhkan ibadat haji bagi semua rakyat untuk Musim Haji 1441H/2020M demi menjaga keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan mereka. Susulan itu, Kerajaan Arab Saudi pada 22 Jun 2020 telah memaklumkan bahawa ibadat haji tahun ini hanya dibenarkan kepada mereka yang berada di Arab Saudi sahaja.

Berdasarkan keputusan di atas, syarikat-syarikat PJH akan berunding lanjut dengan pengusaha hotel untuk menangguhkan sewaan sehingga musim hadapan. Sekian. Terima kasih.